

PROMOSI PINDAHAN WANG KE LUAR NEGARA (OVERSEAS TRANSFER) RAMADAN & RAYA HLB CONNECT 2024 ([English Version](#))

Kemas Kini Terakhir 21 Mac 2024

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Pindahan Wang ke Luar Negara (Overseas Transfer) Ramadan & Raya HLB Connect 2024” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 18 Mac 2024 dan berakhir pada 17 Mei 2024, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka untuk para pelanggan individu Bank (“Pelanggan”) yang merupakan pengguna HLB Connect Online (“HLB Connect”) yang baharu dan sedia ada dengan Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun-i Semasa atau Simpanan HLISB (“CASA/CASA-i”) semasa Tempoh Promosi.
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan:
 - (i) yang telah melakukan, atau kini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - (ii) yang menghadapi prosiding muflis atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
 - (iii) yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

TATACARA PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan perlu memenuhi pra-syarat berikut semasa Tempoh Promosi:
 - (i) **log masuk ke HLB Connect Online**; dan
 - (ii) **berjaya melakukan Pindahan Luar Negara dengan jumlah minimum sebanyak Satu Ribu Ringgit Malaysia (RM1,000) setiap transaksi.**

(selepas ini dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak”)
4. Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan bawah Klausa 3 di atas akan berpeluang memenangi (i) Pulangan Tunai Satu Ribu Ringgit Malaysia (RM1,000) (“Hadiah”) dan hadiah tambahan Pulangan Tunai Tiga Ratus Ringgit (RM300) (“Ganjaran Pengguna Baharu”) atau (ii) Hadiah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Bulan Promosi	Hadiah: Pulangan Tunai RM1,000	Ganjaran Pengguna Baharu: Pulangan Tunai RM300
Bulan Promosi 1: 18 Mac 2024 – 17 April 2024	<p><u>Kaedah Pemilihan Pemenang:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Sepuluh (10) orang Pelanggan yang Layak (pengguna sedia ada atau baharu) dengan bilangan terkumpul tertinggi bagi transaksi Pindahan Luar Negara akan dipilih pada akhir setiap Bulan Promosi 1 dan Bulan Promosi 2 untuk memenangi Hadiah. • Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Promosi. 	<p><u>Kaedah Pemilihan Pemenang:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengguna baharu ditakrifkan sebagai pengguna HLB Connect yang tidak membuat transaksi Pindahan Luar Negara dalam masa satu (1) tahun terakhir mulai 18 Mac 2023 hingga 17 Mac 2024 ("Pengguna Baharu"). • Pengguna Baharu yang dipilih untuk memenangi Hadiah (iaitu Pulangan Tunai RM1,000) juga akan memenangi Ganjaran Pengguna Baharu. • Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) Ganjaran Pengguna Baharu sepanjang Tempoh Promosi.
Bulan Promosi 2: 18 April 2024 – 17 Mei 2024		

5. Sekiranya terdapat lebih daripada sepuluh (10) orang Pelanggan yang Layak dari setiap kategori yang telah mengumpulkan jumlah transaksi tertinggi yang sama, Pelanggan yang Layak yang mula-mula mengumpulkan jumlah transaksi tertinggi akan dipilih sebagai pemenang Hadiah ("**Pemenang Hadiah**") dan/atau Ganjaran Pengguna Baharu ("**Pemenang Ganjaran Pengguna Baharu**").
6. Jumlah peruntukan untuk Promosi ini adalah seperti berikut:
 - (i) Hadiah terhad kepada dua puluh ribu Ringgit Malaysia (RM20,000); dan
 - (ii) Ganjaran Pengguna Baharu: terhad kepada Enam Ribu Ringgit Malaysia (RM6,000).
7. Setiap Pemenang Hadiah dan/atau Pemenang Ganjaran Pengguna Baharu layak menerima hanya satu (1) Hadiah dan/atau satu (1) Ganjaran Pengguna Baharu sepanjang Tempoh Promosi, selagi mereka memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan dalam Jadual 1 di atas.

PEMENUHAN PROMOSI

8. Senarai Pemenang Hadiah dan Pemenang Ganjaran Pengguna Baharu (selepas ini dirujuk sebagai "**Pemenang**") akan diterbitkan di <http://www.hlb.com.my/otrr> ("**Laman Web Promosi**") pada **2 Julai 2024**. Pemenang bertanggungjawab untuk memeriksa sama ada mereka telah memenangi Hadiah dan/atau Ganjaran Pengguna Baharu dengan mengunjungi Laman Web Promosi pada tarikh yang ditetapkan.
9. Hadiah dan/atau Ganjaran Pengguna Baharu akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pemenang dengan Bank pada **13 Ogos 2024**. Pemenang akan dimaklumkan melalui pemberitahuan semerta Aplikasi HLB Connect sebaik sahaja Hadiah dan/atau Ganjaran Pengguna Baharu berjaya dikreditkan.
10. Oleh yang demikian, Pemenang perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah dan aktif **sehingga 13 Ogos 2024**. Sekiranya mereka gagal, Hadiah dan/atau Ganjaran Pengguna Baharu akan dibatalkan.

11. Pemenang wajib menghubungi Bank **sebelum 27 Ogos 2024** jika Hadiah dan/atau Ganjaran Pengguna Baharu tidak diterima. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pemenang dianggap telah menerima Hadiah dan/atau Ganjaran Pengguna Baharu dan sebarang tuntutan untuk pembayaran balik **selepas 27 Ogos 2024** tidak akan diproses.
12. Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah dan/atau Ganjaran Pengguna Baharu disebabkan oleh sebarang keadaan luar jangkaan di luar kawalan Bank yang munasabah.
13. Hadiah atau Ganjaran Pengguna Baharu tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan kredit, wang tunai, cek atau manfaat yang sama nilai.

AM

14. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak:
 - (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan menerima T&S dan bersetuju untuk terikat dengan T&S yang terkandung;
 - (ii) bersetuju bahawa semua rekod tentang pemenuhan syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan Pemenang adalah muktamad.
 - (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Promosi adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan yang Layak;
 - (iv) memberi persetujuan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan nombor mudah alih mereka kepada M3 Technologies (Asia) Berhad (199901007872 (482662-D)) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau alamat e-mel kepada DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)), yang merupakan para vendor perkhidmatan yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan pemberitahuan bagi tujuan Promosi ini;
 - (v) bersetuju untuk bertanggungjawab menyediakan butiran kontak mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih dan alamat e-mel, dan segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku sebarang perubahan. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan/bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak, atau SMS dan/atau e-mel tidak dapat disampaikan, jika berkenaan, disebabkan nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak tidak tepat/tidak sah;
 - (vi) bersetuju dan membenarkan Bank untuk menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan data peribadi mereka (iaitu nama dan nombor ID dan/atau akaun yang disembunyikan) untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media tanpa bayaran;
 - (vii) bersetuju untuk mengakses Laman Web Promosi pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Promosi ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut;
 - (viii) bersetuju bahawa sebarang pemberitahuan yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak adalah bergantung sepenuhnya pada ketersediaan dan kualiti perkhidmatan penyedia perkhidmatan/rangkaian yang berkaitan dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan apa pun sekiranya berlaku:
 - (a) SMS terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan oleh kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; dan/atau
 - (b) e-mel terlambat, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran oleh penyedia e-mel yang berkaitan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pelencongan atau penapisan e-mel tersebut sebagai e-mel sampah atau spam oleh penyedia e-mel Pelanggan yang Layak(selepas ini dirujuk sebagai "**Kegagalan Rangkaian**")
Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga

akibat sebarang kelambatan atau kegagalan menerima sebarang pemberitahuan daripada Bank disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Rayuan bagi kelewatan atau kegagalan sedemikian tidak akan diproses;

- (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab untuk sebarang caj syarikat telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia disebabkan oleh komunikasi dengan Bank berkaitan dengan Promosi ini; dan
 - (x) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.
15. Bank berhak:
- (i) dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan yang Layak untuk menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di sini dengan menyiarkan penambahan, pemadaman, penggantungan atau pindaan T&S atau penamatan Promosi ini di Laman Web Promosi; dan
 - (ii) membatalkan Hadiah dan/atau Ganjaran Pengguna Baharu sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi T&S yang terkandung, sebarang Terma dan Syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect dan undang-undang/peraturan lain yang terpakai.
16. Sebagai tambahan kepada T&S yang terkandung di sini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa terma dan syarat CASA/CASA-i, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan, T&S tertentu yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut berhubung dengan Promosi ini.
17. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S yang muktamad pada Laman Web Promosi akan digunakan.
18. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menghormati bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
19. Melainkan dinyatakan sebaliknya, kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda ada sebarang pertanyaan tentang T&S ini, sila e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.